



KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH POKOK SENA  
06400 POKOK SENA  
KEDAH DARUL AMAN

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

A. Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk membuat permohonan jawatan bertaraf tetap seperti berikut :

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI	TARAF
1	PEMBANTU AWAM	H11	KEMAHIRAN	TETAP
2	PEMANDU KENDERAAN	H11	KEMAHIRAN	TETAP

**1. PEMBANTU AWAM GRED H11 (2 Kekosongan)**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- b) Jabatan : Pejabat Daerah Dan Tanah Pokok Sena
- c) Jadual Gaji :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 1,218.00	RM 2,939.00	RM 80.00

- d) Syarat Lantikan
  - 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
    - a) Warganegara Malaysia

- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM 1,218.00)
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- e) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik.

e) Deskripsi Tugas

1. Menjalankan tugas-tugas am bersifat 'hands on' yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan di luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.

**2. PEMANDU KENDERAAN GRED H11 (1 Kekosongan)**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- b) Jabatan : Pejabat Daerah Dan Tanah Pokok Sena
- c) Jadual Gaji :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 1,218.00	RM 2,939.00	RM 80.00

d) Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - a) Warganegara Malaysia
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
  - c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
  - d) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (Kecuali lesen memandu dalam percubaan (P) dan
  - e) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen memandu :

Lesen D	RM 1,264.15
Lesen E/E1/E2	RM 1,310.30
Lesen F/H	RM 1,356.45
Lesen G/I	RM 1,402.60

- f) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- g) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik.

e) Deskripsi Tugas

1. Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan.

**B. TARAF JAWATAN**

Tetap

**C. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN**

1. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa
2. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, Faedah Rawatan Perubatan, pinjaman, Bantuan Sara Hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa

**D. CARA MEMOHON**

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang boleh didapati di Pejabat Daerah Dan Tanah Pokok Sena dengan bayaran RM2.00.
2. Semua maklumat yang diberikan di dalam borang permohonan hendaklah benar. Jika terdapat sebarang penipuan di dalam maklumat yang diberikan, permohonan akan dibatalkan serta merta dan nama pemohon akan disenarai hitamkan.

3. Semua permohonan hendaklah disertakan salinan dokumen-dokumen berikut yang telah disahkan bersama-sama borang permohonan;
  - a) Sekeping gambar (terbaharu) berukuran pasport
  - b) Kad Pengenalan
  - c) Sijil Pendaftaran Kelahiran/Sijil Lahir
  - d) Sijil Berhenti Sekolah
  - e) Sijil Persekolahan
  - f) Salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi yang terkini bagi calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan
4. Borang Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 23cm x 32cm. Dipenjuru atas sebelah kiri sampul surat berkenaan hendaklah ditulis dengan **HURUS BESAR** yang jelas, **NAMA JAWATAN YANG DIPOHON**
5. Semua permohonan hendaklah sampai ke alamat berikut:

**YANG BERBAHAGIA,  
TUAN PEGAWAI DAERAH POKOK SENA,  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH POKOK SENA,  
06400 POKOK SENA,  
KEDAH DARUL AMAN.**

#### **E. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan ialah pada 17 Februari 2020 (Isnin) sebelum jam 12.00 tengahari.

#### **F. CATATAN AM**

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
2. Calon yang tidak dipanggil temuduga kerana tidak memenuhi syarat Asas Tapisan hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA** jika tidak menerima sebarang makluman selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan.
3. Pemohon yang berjaya akan ditempatkan mengikut kepentingan perkhidmatan.
4. Sila patuh pada arahan yang diberikan.